

**MAJLIS MAKAN TENGAHARI BERSEMPENA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN  
KE-21 PERSATUAN PENGILANG & INDUSTRI PERKHIDMATAN BUMIPUTRA  
MALAYSIA  
17/05/2012**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin,  
Menteri Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar;  
Merangkap Penaung Persatuan Pengilang & Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia  
(PPIPBM);

YBhg Dato' Ab Rahim bin Abu Bakar,  
Presiden Persatuan Pengilang & Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia (PPIPBM);

Barisan Ahli Jawatankuasa PPIPBM;

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah izin dan kurnianya maka kita dapat bersama-sama menghadiri Majlis ini bersempena Mesyuarat Agung Tahunan ke 21 Persatuan Pengilang & Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia pada hari ni.
2. Ianya juga adalah kesempatan bagi saya untuk bertemu dengan usahawan Bumiputera yang mendokong usaha Kerajaan dalam membangunkan pertumbuhan sektor industri dan perdagangan negara dan menyemarakkan lagi penyertaan peniaga Melayu di dalam arus perdana pembangunan negara.
3. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak persatuan di atas kejayaan menganjurkan majlis pada hari ini. Syabas juga saya ucapkan kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian dalam seminar yang diadakan pagi tadi bertemakan "Cabaran Memperkasakan Usahawan IKS Bumiputera" dan saya mengambil maklum akan resolusi-resolusi yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Presiden persatuan sebentar tadi.

Para hadirin sekalian,

4. Pihak Kerajaan sentiasa berusaha merangka dan melaksanakan pelbagai dasar bertujuan untuk mengukuhkan ekonomi negara di samping memastikan pengagihan yang saksama di kalangan rakyat. Pelaksanaan yang jitu hanya boleh berjaya dalam suasana ekonomi yang tumbuh dengan rancak.
5. Kita amat akui bahawa sektor swasta adalah pemacu kepada penjana ekonomi negara, manakala pihak kerajaan pula menjadi fasilitator untuk memudahkan persekitaran perniagaan. Kerjasama erat ini akan memastikan supaya ekonomi negara berada di tahap kompetitif secara berterusan.
6. Kerajaan Barisan Nasional amat peka kepada kehendak rakyat dan mendengar serta

meneliti rintihan, pandangan, hasrat dan impian rakyat sebelum sesuatu dasar itu diperkenal dan dilaksanakan.

7. Justeru, selaras dengan usaha kerajaan melalui program transformasi ekonomi, konvensyen seperti ini boleh memberikan input konstruktif kepada dasar kerajaan berkaitan pembangunan ekonomi yang sudah tentunya tidak boleh bergerak secara bersendirian tanpa proses konsultasi dengan stakeholders.

8. Agenda keadilan sosial merupakan pemandu penting kepada halatuju negara tetapi semua perlulah mengakui bahawa setiap dasar yang hendak dilaksanakan dengan sempurna akan mengambil sedikit waktu dan perlu disesuaikan dengan cabaran dunia sekeliling.

9. Kerajaan juga begitu komited untuk memastikan “pertumbuhan dengan pengagihan” atau “growth with distribution” dapat terlaksana. Pelbagai agensi dan entiti pelaksana telah diwujudkan dengan matlamat mewujudkan masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputra.

10. Untuk berjaya, setiap usahawan perlu ada sikap muhasabah diri dan mengamalkan penambahbaikan berterusan. Sikap ketirisan diri dan bergantung kepada kerajaan semata-mata adalah dua penyebab utama yang menghalang penguasaan ekonomi oleh bangsa Melayu di negara sendiri. Kita tidak boleh terus leka dan mengabaikan kehendak era global kerana hampir 80% orang Melayu masih berada di dalam kategori 40% pendapatan terendah di negara ini.

Hadirin sekalian,

11. Negara kita masih berada dalam kategori negara berpendapatan sederhana tinggi. Oleh itu, sokongan padu rakyat diperlukan bagi membantu usaha kerajaan untuk menjadikannya sebuah ekonomi berpendapatan tinggi, berasaskan teknologi, pengetahuan dan inovasi menjelang tahun 2020.

12. InsyaAllah, ini boleh dicapai apabila semua pihak berusaha gigih dalam usaha untuk mengekalkan pertumbuhan purata ekonomi minima 6% setiap tahun. Justeru, aktiviti negara akan memfokus supaya mempunyai ciri-ciri peneraju pasaran, pentadbir urus negara cemerlang, regionally integrated, serta memastikan agihan menyeluruh dan mapan.

13. Kerajaan Barisan Nasional juga sedang giat menjalankan pelbagai program pembangunan untuk memastikan kesejahteraan rakyat di seluruh negara terpelihara, lebih-lebih lagi melalui program-program transformasi yang telah diperkenalkan seperti GTP, ETP dan RTP. Ini semua perlu dilaksanakan dengan jayanya mengikut landasan yang telah ditetapkan agar kita bersiap sedia dan bergerak ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

14. Justeru, Kerajaan Barisan Nasional banyak memperkenalkan usaha-usaha untuk memastikan supaya ekonomi negara dapat dirancakkan, melalui dasar Kerajaan yang menyokong serta membantu melonjakkan lagi para usahawan IKS ke peringkat yang lebih tinggi dari segi pendapatan, seterusnya dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

15. Kerajaan Persekutuan melalui berbagai-bagai Kementerian dan Agensinya telah menyediakan program, insentif, skim serta bantuan dalam pelbagai bentuk, antaranya latihan

bina upaya bagi meningkatkan kemahiran para usahawan tentang daya saing dan inovasi serta amalan dan teknik terbaik dalam sesuatu perniagaan; pemasaran dan penjenamaan; serta bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman modal dan dana untuk memperluaskan lagi perniagaan.

16. Bantuan kewangan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada para usahawan antaranya telah berjaya meningkatkan daya saing produk dan perkhidmatan mereka melalui pengurangan kos untuk menjalankan perniagaan. Usahawan yang mendapat bantuan tersebut didapati mencatat peningkatan dalam kualiti produk, kecekapan dan penjimatan kos, serta peningkatan kapasiti pengeluaran, yang membolehkan mereka memenuhi kehendak pelanggan dengan lebih berkesan.

17. Para usahawan Bumiputera juga seharusnya perlu mempertimbangkan dengan sewajarnya untuk menggunakan sistem perbankan Islam dengan lebih kerap di dalam perniagaan. Produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh institusi kewangan di negara ini adalah berlandaskan hukum syarak dan adalah terbukti bahawa negara kita kini mempunyai sistem kewangan Islam yang lengkap, merangkumi takaful dan perniagaan saham dalam Bursa Kuala Lumpur. Selain itu, kita juga mempunyai Pasaran Kewangan Antarabangsa di Labuan yang memainkan peranan penting dalam perkembangan pasaran wang antarabangsa.

18. Melalui Skim Pembiayaan PKS Patuh Shari'ah yang diumumkan baru-baru ini, Kerajaan Persekutuan akan membiayai 2% daripada kadar keuntungan pembiayaan bank yang dikenakan kepada PKS. Dana berjumlah RM2 bilion dalam bentuk rebat 2% adalah bagi permohonan pembiayaan berjumlah sehingga RM5 juta yang diluluskan sehingga tahun 2013, khas untuk membantu PKS yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam semua bidang yang patuh Shari'ah, kecuali perkhidmatan kewangan. Oleh yang demikian, pengusaha yang layak boleh mendapat manfaat daripada kos pinjaman yang lebih rendah daripada institusi perbankan Islam yang mengambil bahagian.

19. Kita amat maklum bahawa EKS merupakan tulang belakang ekonomi negara, iaitu merangkumi 99.2 peratus daripada perniagaan aktif di Malaysia. Kita juga maklum bahawa kebanyakan daripada masyarakat usahawan Bumiputera adalah tergolong dalam peringkat ini yang rata-ratanya bersaiz kecil dan sederhana, amnya dalam bidang restoran dan pembinaan, sektor pembuatan makanan dan minuman, percetakan serta tekstil dan kulit. Sehubungan ini, usahawan Bumiputera haruslah merebut peluang untuk menerokai bidang-bidang utama ekonomi negara yang lain seperti yang telah dikenalpasti di bawah National Key Economic Areas (NKEAs).

20. Kaum Bumiputera juga perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk berhijrah ke skala ekonomi yang lebih besar, iaitu kepada yang berteknologi tinggi berasaskan inovasi dan kreativiti. Skala ekonomi sebegini mempunyai nilai tambah dan berkeupayaan menjana pendapatan tinggi berasaskan sektor-sektor baru.

21. Pengetahuan teknologi terkini ditambah dengan inovasi boleh menjana ekonomi kaum Bumiputera dengan lebih tinggi lagi. Idea-idea segar dan kepakaran baru dari golongan usahawan muda juga perlu dioptimumkan.

22. Oleh itu, usahawan Bumiputera perlu lebih berani meneroka bidang-bidang baru dalam sektor bernilai tinggi yang belum dikuasai oleh sesiapa, termasuk dalam pasaran baru dan tidak bergantung kepada pasaran domestik semata-mata. Keupayaan lebih hebat adalah amat

perlu dengan mengambil peluang daripada integrasi di peringkat antarabangsa seperti FTAs.

23. Melalui seminar “Cabaran Memperkasakan Usahawan IKS Bumiputera” yang telah diadakan, PPIPBM atau badan-badan perniagaan yang menjaga kepentingan ekonomi ahli-ahli seharusnya mampu menjadi jentera yang paling efisien untuk memastikan sasaran sesuatu dasar atau program itu adalah tepat dan berkesan. Seminar seperti ini juga boleh menjadi platform untuk berkongsi rahsia kejayaan dalam perniagaan supaya usahawan Bumiputera terus berdaya tahan dan berkembang maju.

24. NGO seperti PPIPBM juga boleh berperanan untuk mengenalpasti syarikat-syarikat Bumiputera yang kredibel dan berpotensi mengikut kluster masing-masing untuk dibimbing dan dibantu supaya dapat dibentuk menjadi empayar besar yang boleh menguasai sesuatu rangkaian industri strategik. Melalui pendekatan ini, akan lahir lebih ramai usahawan Bumiputera yang bertindak sebagai pemangkin kepada pertumbuhan pesat ekonomi negara dan mewujudkan kekayaan.

25. Adalah diharapkan agar kerjasama strategik semua pihak akan dapat melahirkan usahawan Bumiputera yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing di dalam serta di luar negara.

Akhir sekali, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke 21 Persatuan Pengilang & Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.